

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1988/89

SEU 304 - Ekonomi Antarabangsa II

Tarikh: 29 Oktober 1988

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang  
(3 jam)

---

Jawab TIGA soalan sahaja.

Setiap soalan mempunyai jumlah markah yang sama.

Soalan 1

- (a) Berikan penentu-penentu utama akaun semasa dan akaun modal imbalan pembayaran sesebuah negara.
- (b) Analisiskan struktur imbalan pembayaran Malaysia dan arah alirannya.
- (c) Jelaskan punca-punca ketidakseimbangan imbalan pembayaran Malaysia di dalam tahun-tahun 1980-an.

Soalan 2

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan pantulan asing dan apakah peranannya di dalam pelarasian imbalan pembayaran?
- (b) Bezakan di antara pengganda perdagangan luar yang merangkumi kesan pantulan asing dengan pengganda perdagangan luar yang mudah.
- (c) Bolehkah sesebuah negara yang kecil seperti Malaysia mengenepikan kesan pantulan asing? Jelaskan.

Soalan 3

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan dasar mengubah perbelanjaan dan dasar menukar perbelanjaan?
- (b) Jelaskan bagaimana dasar-dasar tersebut dapat membetulkan ketidakseimbangan di dalam akaun semasa imbalan pembayaran sesebuah negara yang mengamalkan sistem kadar pertukaran tetap.

Soalan 4

- (a) Terangkan penentu-penentu penawaran dan permintaan untuk pertukaran wang asing. Mengapakah keluk permintaan untuk pertukaran asing mempunyai cerun yang negatif dan keluk penawaran pertukaran asing mempunyai cerun yang positif?
- (b) Bezakan di antara pasaran segera dan pasaran hadapan pertukaran asing.
- (c) Bezakan dengan jelas di antara arbitraj geografi dan arbitraj bunga. Apakah peranan yang dimainkan oleh seorang pengarbitraj?
- (d) Bezakan dengan jelas di antara pelindung nilai dan spekulator di dalam pasaran pertukaran asing.

Soalan 5

- (a) Bandingkan sistem kadar pertukaran tetap dan sistem kadar pertukaran fleksibel. Sistem yang manakah yang lebih sesuai diamalkan oleh sebuah negara yang membangun?
- (b) Apakah perbezaan utama di antara sistem kadar pertukaran apungan bersih dan apungan terurus?
- (c) Mengapakah perlu kerjasama antarabangsa untuk menjayakan satu sistem kadar pertukaran terurus?
- (d) Bezakan di antara spekulasi yang stabil dan yang tidak stabil. Spekulasi jenis manakah yang boleh menjelaskan nilai ringgit Malaysia dan bagaimanakah nilai ringgit dapat dipertahankan apabila terjadi spekulasi tersebut?
- (e) Mengapakah aliran modal yang tidak stabil mudah berlaku di bawah Sistem Bretton Woods?